

13/12/1998

Rumah: Kerja setahun layak buat pinjaman (HL)

Zulkofli Jamaludin

KUALA LUMPUR: Kakitangan awam yang berjawatan tetap dan bekerja lebih setahun kini layak mendapatkan pinjaman perumahan dalam tempoh kempen memiliki rumah selama sebulan yang dilancarkan semalam.

Menteri Kewangan Kedua, Datuk Mustapa Mohamed, berkata pinjaman itu yang turut diperoleh oleh kakitangan yang belum disahkan jawatan, bertujuan merangsangkan pertumbuhan sektor perumahan selaras usaha mencergaskan semula ekonomi.

"Langkah ini membolehkan kira-kira 20,000 kakitangan awam seperti guru, jururawat, polis dan tentera layak memohon pinjaman perumahan," katanya kepada pemberita selepas perasmian Kempen Pemilikan Rumah, di sini semalam.

Kempen selama sebulan itu dilancarkan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, bertujuan memulihkan sektor berkenaan yang terjejas sejak kegawatan ekonomi tahun lalu.

Mustapa yang juga Menteri Pembangunan Usahawan berkata, kerajaan akan mengeluarkan surat pekeliling sebagai penjelasan lanjut mengenai langkah itu kepada semua jabatan dan agensi kerajaan.

Bagaimanapun, katanya, kelonggaran itu hanya dibenarkan dalam tempoh kempen berkenaan yang berakhir 12 Januari depan.

Sebelum ini, katanya, hanya pegawai kerajaan yang bekerja selama lima tahun, berjawatan tetap dan disahkan ke dalam jawatan layak memohon pinjaman perumahan kerajaan.

Mustapa berkata, langkah itu juga adalah sebahagian daripada insentif kerajaan untuk menggalakkan lebih ramai rakyat memiliki rumah khususnya dalam tempoh kempen memiliki rumah yang diusahakan kerajaan dengan kerjasama Persatuan Pemaaju Perumahan Malaysia serta Persatuan Bank-Bank dan Syarikat Kewangan Malaysia.

Kira-kira 260 pemaaju perumahan dengan lebih 23,000 unit rumah yang bernilai RM4.2 bilion akan ditawarkan untuk jualan ketika kempen itu.

Mustapa berkata, kerajaan akan mewujudkan pusat setempat untuk membolehkan semua urusan mengenai sektor perumahan dan hartanah dikendalikan oleh satu agensi.

Bagaimanapun, katanya, penubuhan itu masih pada peringkat kajian oleh agensi pusat dengan kerjasama Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan.

Sementara itu, Pengerusi Persatuan Bank-Bank Malaysia, Datuk Amirsham A Aziz, berkata sistem perbankan mempunyai mudah tunai untuk menjual lebih RM5 bilion unit kediaman sepanjang tempoh kempen.

(END)